Seretkan jawapan ke dalam kotak disediakan supaya menjadi sebuah cerita berdasarkan peribahasa "Nasi sudah menjadi bubur".
Maksud: Sudah terlanjur, tak dapat diubah lagi.

Masyarakat Melayu hidup cukup kaya dengan pengucapan yang berbahasa. Peribahasa merupakan mainan bahasa masyarakat Melayu semenjak dahulu kala lagi. Peribahasa dicipta dengan begitu teliti agar ia dapat memberi pengajaran kepada seseorang dengan tidak menyinggung perasaannya.
Oleh sebab itu pengajaran utama daripada peribahasa ini bukannya suatu kongkongan, malah ia sebenarnya merupakan suatu nasihat yang amat berguna.

Contohnya, kedua-dua ibu bapa kita sering mengingatkan kita agar jangan bercampur dengan budak-budak nakal, penagih-penagih dadah dank kutu-kutu embun. Ada kalanya kita leka dan tidak mengendahkan nasihat orang tua kita. Akhirnya kitalah yang terjerumus ke lembah hina seperti kegiatan menagih najis dadah, merayau hingga larut malam atau menjadi ahli kumpulan samseng. Sebagai akibatnya, kegiatan-kegiatan seperti ini memusnahkan diri seseorang itu.

Peribahasa 'Nasi sudah menjadi bubur' bermaksud sesuatu kerosakan yang tidak dapat dibaiki lagi. Peribahasa ini mengingatkan kita berfikir dahulu sebelum melakukan sesuatu perbuatan agar tidak menyesal kemudian. Sebenarnya peribahasa ini masih digunakan oleh masyarakat Melayu hingga hari ini kerana masyarakat Melayu kini banyak dilanda masalah sosial.

Para pelajar dan belia harus menghayati serta mengamalkan peribahasa ini sepanjang masa. Peribahasa ini membawa maksud yang tersirat. Justeru itu kita harus berhati-hati semasa melakukan sesuatu agar tidak menyesal pada kemudian hari.

Peribahasa ini dapat dijadikan ingatan kepada kita semasa ingin menjalankan sesuatu rancangan. Seseorang pada kebiasaannya akan mengalami nasib seperti bubur, iaitu apabila dia bertindak tanpa berfikir panjang hingga merugikan diri sendiri. Peribahasa ini mengingatkan kita akan akibat buruk yang bakal menimpa jika mengambil tindakan yang silap. Oleh itu kita haruslah berhati-hati dan berfikir secara mendalam sebelum bertindak melakukan sesuatu perkara.

LIVEWORKSHEETS

Seretkan jawapan ke dalam kotak disediakan supaya menjadi sebuah cerita berdasarkan peribahasa "Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian".
Maksud: Untuk mendapat kesenangan, biar bersusah payah dahulu.

Salah satu peribahasa itu berbunyi 'Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian'. Peribahasa ini bermaksud jika kita inginkan kesenangan, kita terpaksa bersusah payah dahulu. Hal ini demikian kerana kesenangan itu tidak akan tercapai tanpa usaha yang gigih, seperti kata bidalan 'Malas mendayung perahu hanyut'. Peribahasa lain yang seerti dengan tajuk karangan ini ialah 'Yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang'.
Kesimpulannya, oleh sebab peribahasa ini membawa nilai-nilai positif, setiap orang khasnya para pelajar harus menjadikannya sebagai pegangan hidup.

Semasa membuat persediaan menghadapi peperiksaan, pelbagai rintangan dan pahit mungkin akan dialami, seperti kata peribahasa ini: 'Laut mana yang tidak berombak' dan 'Bumi mana yang tidak ditimpa hujan'. Demi kejayaan yang bakal menanti, kita haruslah bersabar dan tabah menghadapi setiap cabaran yang merintang.

Masyarakat kita memang terkenal dengan berbagai-bagai peribahasa sejak dahulu kala lagi. Dalam peribahasa-peribahasa ini pula tersirat nasihat dan pengajaran yang sesuai untuk dijadikan panduan hidup manusia sepanjang zaman.

Peribahasa ini mengingatkan kita bahawa kejayaan yang dicapai melalui jerih payah kita adalah lebih manis dan berkekalan pula.

Peribahasa ini amat sesuai dijadikan pegangan hidup semua umat manusia. Ini kerana setiap kejayaan yang diperoleh pasti memerlukan usaha yang gigih dan bersungguh-sungguh. Tiada jalan pintas menuju kepada kejayaan yang cemerlang. Pelbagai macam dan cabaran harus ditempuhi dahulu sebelum seseorang itu dapat meraih dan mengecap kejayaan manis. Contohnya, jika kita teringin mencapai kecemerlangan dalam peperiksaan, banyak pengorbanan perlu dilakukan. Kita harus mengetepikan keseronokan buat sementara waktu. Kegiatan-kegiatan seperti menonton video, televisyen, sukan dan kegiatan persatuan perlu dikurangkan atau ditangguhkan.

LIVEWORKSHEETS